



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA		
TARIKH	:	13/4/2021	MUKA SURAT	: 35
JABATAN	:	TNB		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

TNB tingklat nilai tambah kontraktor

Oleh NURFARAHIN HUSSIN
utusannews@mediamulla.com.my

KUALA LUMPUR: Tenaga Nasional Berhad (TNB) komited dalam meningkatkan nilai tambah kepada vendor tempatan terutama kontraktor bumiputera bagi memenuhi keperluan ekonomi baharu.

Menurut Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din, syarikat itu memperuntukkan sejumlah RM8 bilion secara purata dalam empat tahun kebelakangan ini untuk pengagihan projek inisiatif pembekalan elektrik.

Ujarnya, setakat ini, sebanyak 53 peratus vendor bumiputera telah mendapat manfaat daripada pengagihan projek sejak 20 tahun lalu dan TNB terus memberi sokongan menerusi pelbagai inisiatif untuk kema-

juan mereka.

“Sebagai contoh, apabila kita mula laksanakan pemasangan meter pintar, hampir 90 peratus merupakan tenaga import. Namun begitu, kita sedang sediakan vendor tempatan dari segi pemasangan dan pengilangan meter pintar dengan harapan dapat mencapai 100 peratus vendor tempatan.

“Kita akan lebihkan usaha kerana kini tertumpu lebih kepada produk ekonomi baharu. Kita akan buat segala yang bersesuaian supaya penglibatan vendor tempatan bukan hanya pada produk asas tetapi juga produk yang mempunyai nilai tambah.

“Asalkan mereka (vendor tempatan) berkeupayaan, berkemampuan dan memenuhi keperluan, kita akan sokong,” katanya dalam sidang akhbar selepas majlis Hari Terbuka Vendor TNB, di sini semalam.



Utusan Malaysia - Ekonomi 13/4/2021 m/s 35

PENGERUSI TNB, Datuk Seri Mahdzir Khalid (duduk, dua kanan) dan Baharin Din (duduk, tiga kanan) mendengar taklimat daripada Ketua Projek Mobility Solution, Ahmad Farid Jamil (kanan) pada Majlis Pelancaran Hari Terbuka Vendor TNB di Bangsar, semalam. - UTUSAN/MOHD FARIZWAN HASBULLAH